

**NO. SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9484**

**SOALAN :**

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan berniat untuk menggubal undang-undang untuk mempermudahkan proses untuk mendapatkan nafkah selepas perceraian.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang digariskan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164), bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah untuk mendaftarkan perkahwinan dan perceraian dalam kalangan orang bukan Islam, manakala pendaftaran perkahwinan dan perceraian bagi orang Islam adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Agama Negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, Akta ini tidak terpakai bagi seseorang anak Negeri Sabah, Sarawak atau seseorang orang asli Semenanjung Malaysia yang perkahwinan dan perceraianya tertakluk kepada undang-undang adat anak negeri atau adat orang asli melainkan jika mereka memilih untuk berkahwin di bawah Akta ini.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam hal mengenai perceraian, JPN hanya bertanggungjawab mengemaskini status perceraian atau pembatalan perkahwinan (bagi pasangan bukan Islam) dan seterusnya mengeluarkan Surat Pengemaskinian Status Perkahwinan berdasarkan keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi (Dikri Nisi Mutlak).**

**Oleh yang demikian, isu mengenai pemberian nafkah bagi pasangan yang telah bercerai adalah di bawah kuasa pihak**

**Mahkamah yang memerintahkan pembayaran nafkah suami isteri sebagaimana diperuntukkan di dalam Akta Membaharui Undang-Undang Perkahwinan Dan Perceraian 1976 (Akta 164).**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT [ MERBOK ]**

**TARIKH : 8.11.2016**

**SOALAN : NO. ~~24~~ 38**

**DR. ISMAIL BIN DAUT [ MERBOK ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan hasil pertemuan antara pihak Kementerian dengan pemegang taruh pelajar-pelajar Malaysia di Mesir yang mengalami masalah pembiayaan pengajian di negara tersebut.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memandang serius tentang permasalahan yang dihadapi oleh pelajar Malaysia di Mesir dan telah mengambil tindakan segera dengan mengutuskan dua orang pegawai pengurusan tertinggi dalam misi ‘Fact Finding Masalah Yuran Tertunggak Pelajar Malaysia’ di Mesir pada 19-24 September 2016 yang lalu. Misi ini bertujuan antaranya adalah:

- (a) menentu sahkan bilangan pelajar dan amaun tertunggak;
- dan
- (b) mencadangkan tindakan susulan bagi menangani isu ini.

Menurut data yang diperoleh semasa misi, sehingga Ogos 2016 terdapat 4,287 orang pelajar jurusan sains kesihatan. Berikut adalah pecahan tajaan dan agensi yang terlibat:

- (a) 1,348 tajaan agensi Persekutuan
- (b) 903 tajaan agensi Negeri (tidak termasuk, Perlis, Sabah, Pulau Pinang dan Sarawak)
- (c) 2,036 persendirian / tiada tajaan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat lapan (8) buah universiti di Mesir yang mana pelajar Malaysia sedang menuntut, antaranya adalah:

- (a) Universiti Ain Shams;
- (b) Universiti al-Azhar;
- (c) Universiti Alexandria;
- (d) Universiti Al-Mansoura;
- (e) Universiti Assiut;
- (f) Universiti Kaherah;
- (g) Universiti Tanta; dan
- (h) Universiti Zagazig

Hasil maklumat yang diperoleh semasa misi, mendapati bahawa bilangan pelajar dan amaun tertunggak adalah lebih besar, iaitu seramai 849 orang melibatkan amaun bernilai USD5,211,529 (RM21.5 juta). Walau bagaimanapun, data ini sedang diperincikan dengan pihak MALAWAKIL, Universiti dan persatuan pelajar. Jumlah ini adalah lebih besar berbanding jumlah yang dilaporkan oleh Berita Harian (berdasarkan kajian oleh Projek HOPE), iaitu seramai 150 orang pelajar dan melibatkan RM4.5 juta.

Dalam menangani cabaran ini, KPT telah bekerjasama dengan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dalam usaha membantu pengutipan dana melalui Tabung Pendidikan Pelajar Malaysia. GPMS akan mengetuai kutipan Tabung Pendidikan Pelajar Malaysia yang telah dilancarkan pada 7 Oktober 2016. KPT mengharapkan sokongan seluruh rakyat Malaysia agar dapat membantu pelajar-pelajar ini dan mana-mana pihak yang ingin menghulurkan sumbangan boleh memberi sumbangan ke akaun Bank Islam: 14162011001958 atau Bank Simpanan Nasional: 1410041000271292.